



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTthem)**
www.jthem.com



**CIRI-CIRI DAN PERKHIDMATAN RUMAH BOT SEBAGAI
TARIKAN PELANCONGAN DI TASIK KENYIR,
TERENGGANU**

*HOUSEBOAT SERVICES AND ITS FEATURES AS A TOURIST ATTRACTION IN
TASIK KENYIR, TERENGGANU*

Jabil Mapjabil^{1*}, Nurul Fatehah Abdul Rashid², Mazdi Marzuki³, Mohamad Pirdaus Yusoh⁴, Jeannet Stephen⁵, Datu Razali Datu Eranza⁶, Nor-Ina Kanyo⁷, Christina Andin⁸, Noorziah Mohd Salleh⁹, Rosmiza M.Z.¹⁰

- ¹ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: jabil@ums.edu.my
 - ² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
Email: fatehah@gmail.com
 - ³ Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mazdi@fsk.upsi.edu.my
 - ⁴ Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu
Email: m.pirdaus@umt.edu.my
 - ⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah
Email: jeannets@ums.edu.my
 - ⁶ Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
Email: drde@ums.edu.my
 - ⁷ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: norina@ums.edu.my
 - ⁸ Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah
Email: christina@ums.edu.my
 - ⁹ Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kampus Sabah
Email: noorziah@sabah.uitm.edu.my
 - ¹⁰ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: miza@ukm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 23.08.2021

Revised date: 15.09.2021

Accepted date: 25.09.2021

Published date: 30.09.2021

To cite this document:

Mapjabil, J., Rashid, N. F. A., Marzuki, M., Yusoh, M. P., Stephen, J., Datu Eranza, D. R., Kanyo, N., Andin, C., Salleh, N. M., & Rozmiza, M. Z. (2021). Ciri-Ciri Dan Perkhidmatan Rumah Bot Sebagai Tarikan Pelancongan Di Tasik Kenyir, Terengganu. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6 (24), 71-86.

DOI: 10.35631/JTHEM.624007.This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Rumah bot adalah salah satu tarikan pelancongan di Tasik Kenyir, Terengganu. Ciri-ciri yang unik dan ciri perkhidmatan yang ditawarkan tidak banyak didokumentasi sebagai hasil penyelidikan. Hal ini mendorong kajian tentang rumah bot dilakukan. Untuk itu, objektif kajian ini adalah (i) mengenal pasti ciri-ciri rumah bot sebagai tarikan pelancongan di Tasik Kenyir dan (ii) meneliti ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan oleh rumah bot kepada pelancong yang berkunjung ke Tasik Kenyir. Reka bentuk kajian ini adalah eksplorasi dan pendekatan yang diguna adalah kaedah kualitatif menerusi temu bual mendalam disokong dengan pemerhatian. Seramai lapan orang informan daripada kalangan pengusaha dan pekerja rumah bot terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati ciri-ciri rumah bot adalah unik kerana mempunyai kemudahan yang lengkap seperti yang terdapat dalam sebuah rumah. Antara kemudahan yang disediakan adalah ruang tamu, bilik tidur, ruang dapur, tandas / bilik air, ruang *babeque* dan jaket keselamatan. Untuk ciri perkhidmatan rumah bot pula melibatkan jenis pakej yang disediakan, harga sewaan, mod tempahan dan tempoh tempahan termasuk kaedah pembayaran perkhidmatan rumah bot. Sebagai rumusannya, kajian fundamental tentang rumah bot sebagai tarikan pelancongan di Tasik Kenyir ini adalah relevan untuk tujuan dokumentasi dan rujukan pelbagai pihak sama ada pembuat dasar, pengusaha rumah bot mahupun penyelidik.

Kata Kunci:

Rumah Bot, Ciri-Ciri, Perkhidmatan, Tarikan Pelancongan, Tasik Kenyir

Abstract:

Houseboats are one of the tourist attractions in Tasik Kenyir, Terengganu. Their unique services have not been documented much which prompted this study. The objectives of this study are (i) to identify the features of houseboats as tourist attractions in Tasik Kenyir, and (ii) to examine the characteristics of services offered by houseboat operators to tourists visiting the lake. The design of this study is exploratory and the approach used is qualitative through in-depth interviews supported by observation. Eight houseboat operators and workers were involved in the study as informants. The results showed that the features of houseboats are unique in that they have complete facilities like those found in a house. Among the facilities provided are a living room, bedrooms, kitchen area, toilet/bathroom, barbeque area, and provision of safety jackets. The services include the types of packages, rental price, booking mode, and duration of booking including houseboat services payment method. In summary, the fundamental study of houseboats as a tourist attraction in Tasik Kenyir is relevant for the purpose of documentation and as a reference to various parties such as tourism policymakers, houseboat operators and researchers.

Keywords:

Houseboat, Features, Services, Tourism Attractions, Lake Kenyir

Pengenalan

Rumah bot merupakan satu konsep pelancongan yang menggunakan bot sebagai medium untuk pelancong mengalami pengalaman percutian berasaskan badan air dan alam sekitar (ekopelancongan). Rumah bot mempunyai dua elemen, iaitu penginapan terapung di atas air dan kenderaan untuk pengangkutan air. Rumah bot pada awalnya adalah dibangunkan untuk kegiatan petempatan atas air, perdagangan dan pengangkutan. Namun, pada masa ini, peranannya dikembangkan dalam aktiviti pelancongan kerana sifatnya yang dekat dengan alam sekitar. Rumah bot mengalami perubahan daripada pelbagai reka bentuk, struktur dan profil kemudahan dan perkhidmatan di dalamnya. Komuniti masyarakat di seluruh dunia membangunkan rumah bot berasaskan teknologi kemudahan, perkhidmatan profesional, pengaruh budaya dan kreativiti kejuruteraan reka bentuk untuk keselesaan penginapan. Di Amerika Syarikat dan Kanada, rumah terapung adalah istilah untuk sebuah rumah yang terapung di atas badan air (Lanker, 2016). Rumah bot lazimnya beroperasi di kawasan badan air tertentu seperti tasik, pulau, sungai, laut, terusan air dan sebagainya (Newcomb & Miller, 1974). Rumah bot dibina di atas permukaan air yang tenang dan tidak berarus untuk kestabilan rumah bot (Mathen, 2012).

Di Eropah, rumah bot merupakan bot pegun atau tong kang yang digunakan sebagai rumah. Rumah bot di Eropah banyak berbentuk sebuah bot bertingkat rata iaitu bot yang digunakan untuk penginapan terapung yang tidak sesuai di atas permukaan air yang berarus. Rumah bot digunakan untuk perjalanan membawa pelancong dan sebagai medium penginapan atas air yang paling popular. Rumah bot boleh ditemui dalam jumlah yang banyak di kawasan air yang ada sumber ikan yang banyak sama ada di tasik, sungai dan pelabuhan. Rumah bot dijadikan rumah penginapan pada musim panas di Eropah. Rumah bot ini memiliki reka bentuk yang tersendiri dengan pelbagai kemudahan yang mewah dan berkualiti untuk keselesaan mereka semasa menikmati percutian pada musim panas di atas rumah bot. Selain itu, pengenalan enjin pembakaran dalaman yang moden menyebabkan rumah bot memiliki kuasa penjaan bahan api yang tinggi yang dibangunkan dan menjadi popular kerana ia boleh menggerakkan rumah bot ke pelbagai badan air dengan kelajuan yang tinggi. Mereka menggabungkan elemen keselesaan dan ketenangan dalam rumah bot dengan kemudahan kapal penjelajah berkabin, kemudahan penginapan super struktur yang mementingkan impak pencahayaan dan pengudaraan yang baik. Di Amerika Syarikat misalnya, banyak rumah bot berkuasa tinggi yang dengan kepelbagaian ruang yang ideal untuk percutian musim panas (Augustyn, 2018).

Seterusnya, untuk perkembangan pelancongan rumah bot di Malaysia, inisiatif ini dibangunkan di satu kawasan badan air sahaja iaitu di kawasan tasik yang mempunyai potensi geografi untuk menarik minat pelancong merasai pengalaman semula jadi. Setakat ini, tidak terdapat operasi rumah bot di badan air lain seperti sungai, kolam dan laut di negara ini. Terdapat dua lokasi tasik iaitu di Tasik Kenyir, Terengganu dan Tasik Temenggor, Perak. Sebagai contoh, Tasik Kenyir terletak di bawah pentadbiran pihak Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Pelancongan rumah bot diwujudkan melalui kerjasama antara pengusaha rumah bot dalam sebuah persatuan iaitu Persatuan Pelancongan Tasik Kenyir. Tasik Kenyir dikenali sebagai 'Aqua Ecotourism Park' dalam mempromosikan pelancongan rumah bot. Tasik Kenyir dipromosikan dengan tema "Tahun Melawat Terengganu" pada tahun tahun 2013, 2014, 2015

dan 2016. Seterusnya, pada masa kini promosi Tasik Kenyir diubah kepada '*Visit Beautiful Terengganu*' bermula tahun 2017 hingga sekarang. Pada tahun 2018, promosi Tasik Kenyir dilakukan melalui Festival Tasik Kenyir 2018. KETENGAH telah mengambil langkah memanfaatkan pelbagai unsur alam semula jadi di Tasik Kenyir secara berkesan dan menterjemahkannya kepada beberapa elemen tarikan pelancongan seperti pelancongan ekologi, pengembaraan, sejarah dan warisan, sukan air dan program *homestay* di beberapa perkampungan tradisional yang terpilih. Pembangunan pelancongan rumah bot di Tasik Kenyir diberi keutamaan oleh pihak KETENGAH untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan utama Negeri Terengganu berbanding destinasi pelancongan yang lain dalam Negeri Terengganu (Anip Majid, 2017).

Sehubungan dengan itu, Jose dan Aithal (2020) menegaskan antara isu utama yang berkaitan dengan operasi rumah bot adalah kurangnya infrastruktur, masalah urusan lesen rumah bot, isu keselamatan, masalah persekitaran dan kelemahan dalam kualiti perkhidmatan. Di Malaysia, tidak terdapat kajian khusus tentang rumah bot sebagai tarikan pelancongan. Justeru, kajian ini ingin meneliti aspek asas dahulu, iaitu ciri-ciri rumah bot dan perkhidmatan yang ditawarkan. Hal ini penting untuk sumbangan terhadap dokumentasi dan sumber iteratur untuk kajian pada masa hadapan. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut;

- i. mengenal pasti ciri-ciri rumah bot sebagai tarikan pelancongan di Tasik Kenyir.
- ii. meneliti ciri-ciri perkhidmatan yang ditawarkan oleh rumah bot di Tasik Kenyir.

Tinjauan Bahan Literatur

Rumah Bot sebagai Tarikan Pelancongan

Rumah bot sebagai tarikan pelancongan merujuk kepada produk pelancongan yang menggunakan perkhidmatan rumah bot sebagai medium pelancongan berasaskan alam sekitar (ekopelancongan) dan aktiviti rekreasi badan air. Rumah bot digunakan oleh pelancong sebagai penginapan dan pengangkutan untuk kunjungan di beberapa destinasi ekopelancongan. Dengan menggunakan rumah bot, pelancong dapat merasai pengalaman pelancongan bersama ahli keluarga ataupun rakan. Pelancongan berasaskan rumah bot terkenal dengan penerokaan alam sekitar semula jadi iaitu pelancong dapat memilih beberapa lokasi ekopelancongan tertentu yang terdapat dalam pakej pelancongan rumah bot dan pelancong boleh bermalam di lokasi tersebut setelah habis menjalankan aktiviti rekreasi, santai, sukaneka ataupun aktiviti lasak. Pelancongan berasaskan rumah bot terdapat di kawasan tasik yang luas, sungai yang panjang, terusan air yang besar dan sebagainya (Kokkranical & Morrison, 2002).

Pelancongan berasaskan rumah bot dibangunkan oleh komuniti setempat untuk menjana pendapatan ekonomi melalui perkhidmatan rumah bot tersebut. Mereka memanfaatkan keunikan persekitaran fizikal sebagai produk pelancongan untuk membangunkan pelancongan berasaskan rumah bot. Pelancong menyukai pelancongan rumah bot kerana mereka lebih dekat dengan suasana semula jadi alam sekitar yang mendamaikan fikiran. Melalui pelancongan berasaskan rumah bot, pelancong dibawa mengembara ke beberapa lokasi yang menarik seperti kawasan air terjun, gua, bukit, taman herba, taman hidupan liar, taman orkid, sungai dan pulau-

pulau (Safiih et al., 2017). Dengan adanya pelancongan rumah bot, pelancong dapat menginap di atas rumah bot yang menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti sebuah rumah yang sempurna untuk bermalam, berehat, memasak, membersihkan diri dan sebagainya. Di dalam rumah bot, terdapat kemudahan seperti sebuah rumah iaitu dapur, ruang tamu, tandas, bilik tidur dan sebagainya. Justeru, pelancong tidak perlu lagi menempah kemudahan penginapan utama yang mahal seperti hotel, *homestay*, resort dan sebagainya kerana pelancong dapat memilih rumah bot untuk penginapan sambil membuat perjalanan ke tempat di sekitarnya (Preliminary Feasibility Report, April/2012). Gan et al. (2018) turut mengukuhkan faktor pemilihan rumah bot dengan tarikan fizikal dengan menegaskan kewujudan pelancongan rumah bot dapat memberi manfaat kepada sumber ekopelancongan dari segi kepentingan pengusaha rumah bot untuk memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber itu dalam keadaan yang baik untuk tujuan ekopelancongan rumah bot yang lestari.

Sehubungan dengan itu, Kiwanuka et al. (2019) mencadangkan agar beberapa isu dalam pelancongan rumah bot di badan air tasik perlu dikaji terlebih dahulu kemudiannya pihak pemaju perlu merumuskan strategi pembangunan tasik yang lestari. Pengaruh sejarah dan budaya turut menjadi tarikan unik terhadap sesebuah kawasan tasik, misalnya tasik yang berasal daripada petempatan tamadun awal manusia seperti pelancongan rumah bot di Tasik Victoria yang berdekatan dengan Sungai Nil di Afrika. Cadangan ini adalah bersesuaian dengan pernyataan Waugh (2014) yang menjelaskan kepentingan kawasan tasik iaitu keluasan kawasan tasik sebagai badan air tawar telah menjadi asas kepada rezeki manusia selain daripada tasik air masin. Aktiviti pelancongan rumah bot lebih terkenal dan sesuai di kawasan tasik air tawar berbanding air masin kerana kekayaan sumber akuatik dan penggunaan air tasik itu yang lebih selamat. Peningkatan penggunaan air tasik kini bukan sahaja untuk sumber air minuman komuniti berdekatan tasik dan sumber perikanan air tawar malah dimanfaatkan untuk pelancongan rumah bot kerana keindahan persekitaran tasik air tawar dari segi khazanah flora dan faunanya.


Metodologi dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk eksploratif sejajar dengan isu kajian tentang rumah bot sebagai tarikan pelancongan di Tasik Kenyir yang tidak banyak kajian dan dokumentasi dilakukan sebelum ini. Kajian ini meneroka ciri-ciri rumah bot di Tasik Kenyir dan bagaimana ia berperanan sebagai tarikan pelancongan untuk aktiviti memancing dan rekreasi tasik di lokasi kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan ialah kaedah kualitatif dengan menggunakan borang panduan temu bual mendalam, temu bual tidak langsung dan pemerhatian. Untuk itu, seramai lapan orang informan terlibat dalam kajian ini. Informan ini terdiri daripada pengusaha dan pekerja di rumah bot terpilih di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, Terengganu.

Kawasan Kajian

Tasik Kenyir merupakan destinasi pelancongan yang dibangunkan sejak tahun 1985 dengan keluasan 209 199 hektar. Sejarah awal sebelum terbentuknya tasik, kawasan ini merupakan sebuah pusat tamadun awal. Gua di sekitar tasik ini, iaitu Batu Tok Bidan dan Gua Bewah menghasilkan penemuan arkeologi penting seperti beberapa alat batu dan kapak sejak era

Neolitik (kira-kira 10,000 tahun dahulu). Tasik Kenyir mendapat namanya daripada salah satu sungai yang dikenali sebagai Sungai Kenyir tetapi kini sungai tersebut adalah di bawah tasik apabila Tasik Kenyir berkenaan dipenuhi oleh sumber air di sekitarnya. Tasik Kenyir adalah tasik buatan yang dibina untuk projek empangan. Empangan Kenyir atau Stesen Kuasa Sultan Mahmud adalah sebuah empangan hidroelektrik utama di Malaysia. Empangan ini dibina merentasi Sungai Terengganu lebih kurang 50 km ke barat laut Kuala Terengganu. Pembinaan dimulakan pada tahun 1978 dan disiapkan pada tahun 1986. Empangan ini memulakan operasi pada tahun 1987 dan dirasmikan pada 1988 oleh sultan Terengganu, almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Pada masa ini, Empangan Kenyir adalah empangan terbesar di Semenanjung Malaysia. Manakala Tasik Kenyir pula adalah tasik paling luas dengan isipadu terbesar di negara ini (Tajuddin et al., 2019). Kedatangan pelancong ke kawasan ini telah menaikkan nama bandar Kuala Berang yang menjadi pusat pentadbiran daerah yang sebelum ini dikenali sebagai 'bandar mati'. Pelbagai inisiatif dipertingkatkan dalam usaha memperkenalkan Tasik Kenyir di peringkat yang lebih tinggi (Ridzuan, 2015).



Rajah 1: Tasik Kenyir, Hulu Terengganu

Sumber: Diubah suai daripada Townplan.gov.my (2010).



Rajah 2: Lokasi Pelancongan Rumah Bot di Tasik Kenyir

Sumber: Google Earth (2020).

Dapatan Kajian

Profil Demografik Informan

Jadual 1 menunjukkan profil demografik terpilih yang memaparkan lapan orang informan yang ditandakan dengan Informan 1 (I1) hingga Informan 8 (I8). Dari segi umur, kesemua informan berada dalam lingkungan umur 20-an hingga 50-an, iaitu empat informan berada dalam lingkungan umur 20 hingga 40 tahun (I1, I5, I7 dan I8) dan empat orang informan lain (I2, I3, I4 dan I6) pula berada dalam lingkungan umur 41 hingga 55 tahun. Demikian juga terdapat empat informan yang bujang (I1, I5, I6 dan I8) dan baki empat informan lain sudah berkahwin (I2, I3, I4 dan I7).

Dari segi latar belakang pendidikan, seramai tiga informan berkelulusan di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM), tiga informan bersekolah di peringkat rendah dan selebihnya tiga orang tidak bersekolah. Daripada lapan informan yang ditemu bual, empat daripadanya adalah pengusaha rumah bot dan bakinya empat informan lain adalah pekerja di rumah bot yang dikaji di sekitar Tasik Kenyir. Untuk pendapatan bulanan pula, satu orang informan berpendapatan dalam RM10,000 iaitu I4, tiga informan berpendapatan lebih RM2,000 (I3, I6 dan I7), satu orang informan, iaitu I2 memperoleh pendapatan sebanyak RM2,000 sebulan dan tiga orang informan lain masing-masing berpendapatan RM1,500 sebulan. Informan 4 memperoleh pendapatan RM10,000 kerana memiliki rumah bot yang agak mewah dan sering mendapat tempahan daripada golongan kenamaan (VIP).

Jadual 1: Profil Demografik Informan

Informan	Umur	Status	Pendidikan	Pekerjaan	Pendapatan
I1	25	Bujang	Tidak Bersekolah	Pekerja	1,500
I2	48	Berkahwin	Sekolah Rendah	Pengusaha	2,000
I3	43	Berkahwin	Tidak Bersekolah	Pengusaha	2,000 ke atas
I4	54	Berkahwin	SPM	Pengusaha	10,000
I5	23	Bujang	Tidak Bersekolah	Pekerja	1,500
I6	45	Bujang	SPM	Pekerja	2,000 ke atas
I7	38	Berkahwin	Sekolah Rendah	Pengusaha	2,000 ke atas
I8	32	Bujang	SPM	Pekerja	1,500

Ciri-Ciri Rumah Bot di Tasik Kenyir

Hasil kajian menunjukkan rumah bot di Tasik Kenyir memiliki ciri-ciri khas yang mungkin berbeza dari tempat lain khususnya di luar negara. Oleh kerana tidak ada kajian khusus tentang rumah bot dan kaitannya dengan pelancongan di Malaysia, kajian ini mendokumentasikan ciri-ciri rumah bot di Tasik Kenyir sebagai sesuatu yang relevan dan penting untuk rujukan literatur pengkaji pada masa hadapan.

Profil Pemilikan Rumah Bot di Tasik Kenyir

Rumah bot di Tasik Kenyir berlabuh di Jeti Pangkalan Gawi dan lesen perkhidmatan rumah bot pula diuruskan di Pejabat Daerah Kuala Berang. Jadual 2 menunjukkan profil pemilikan rumah bot terpilih yang dikaji. Antara nama rumah bot yang terlibat dalam kajian ini ialah Pesona, TKP 27, Bahtera Kenyir, Sri Bayu dan Adib Houseboat. Kesemua pemilikan rumah bot ini adalah milik persendirian. Selain daripada nama rumah bot, warna juga dapat membezakan bagi setiap rumah bot di lokasi kajian. Contohnya, rumah bot Pesona berwarna kelabu putih, Meranti Tembaga Kenyir berwarna coklat, Square Kenyir berwarna kelabu dan Pang Houseboat memilih kombinasi warna kuning biru.

Jadual 2: Profil Pemilikan Rumah Bot

Informan	Nama Bot	Pemilikan	Warna	Saiz bot	Kos bina
I1	Pesona	Sendiri	Kelabu putih	-	-
I2	TKP 27	Sendiri	Oren hijau	22 X 64 kaki	200K
I3	Meranti Tembaga Kenyir	Sendiri	Coklat	26 X 65 kaki	200K

I4	Bahtera Kenyir	Sendiri	Putih	45 X 110 kaki	1.5 juta
I5	Sri Bayu	Sendiri	Biru	-	-
I6	Square Kenyir	Sendiri	Kelabu	-	-
I7	Adib Houseboat	Sendiri	Belum cat	26 X 100 kaki	600K
I8	Pang Houseboat	Sendiri	Kuning biru	40 X 80 kaki	200K

Dari segi saiz rumah bot, umumnya berbeza-beza, misalnya rumah bot TKP 27 bersaiz 22 X 64 kaki, Bahtera Kenyir berukuran 45 X 110 kaki dan Adib Houseboat bersaiz 26 X 100 kaki. Namun begitu, terdapat tiga informan yang tidak menyatakan saiz kapal kerana mereka adalah pekerja di rumah bot berkenaan dan tidak pasti ukuran sebenar rumah bot tersebut. Demikian juga kos binaan rumah bot, informan yang sama tidak dapat memberikan informasi yang diminta. Namun, hasil kajian ini mendapati ada rumah bot yang kos pembinaannya mencecah RM1.5 juta kerana kemudahan yang disediakan agak mewah dan eksklusif iaitu rumah bot Bahtera Kenyir. Kos pembinaan rumah bot Adib Houseboat pula adalah RM600 ribu manakala tiga rumah boat yang lain masing-masing melibatkan kos pembinaan sebanyak RM200 ribu.

Kemudahan dalam Rumah Bot di Tasik Kenyir

Jadual 3 menunjukkan senarai kemudahan yang disediakan di setiap rumah bot yang terlibat dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, kesemua rumah bot menyediakan masing-masing satu ruang tamu, satu ruang dapur dan satu ruang karaoke / televisyen. Untuk ruang bilik tidur, rumah bot untuk I4 menyediakan 20 bilik, manakala majoriti rumah bot menyediakan enam buah bilik (I1, I3, I5, I6 dan I8) dan dua rumah bot lain masing-masing menawarkan lima bilik penginapan. Untuk kemudahan tandas / bilik mandi, kebanyakan rumah bot menyediakan tiga tandas manakala I2 dan I7 menyediakan dua tandas / bilik mandi. Untuk rumah bot I4 pula menyediakan paling banyak kemudahan tandas / bilik mandi iaitu 10.

Antara kemudahan lain yang disediakan di rumah bot yang terlibat dalam kajian ini adalah ruang untuk *babeque* dengan masing-masing menyediakan satu ruang khas kecuali I7 tidak menyediakan kemudahan tersebut. Untuk langkah keselamatan, kesemua rumah bot turut menyediakan alat bantuan kebakaran dan jaket keselamatan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Untuk kemudahan pelampung kecemasan pula, kesemua rumah bot turut menyediakan kemudahan ini kecuali I7. Akhir sekali, enam daripada rumah bot yang dikaji menyediakan kemudahan *speed boat*, kecuali I4 dan I7.

Jadual 3: Kemudahan yang Disediakan Dalam Rumah Bot

Bil	Jenis Kemudahan	Bilangan							
		I1	I2	I3	I4	I5	I6	I7	I8
i	Ruang tamu	1	1	1	1	1	1	1	1
ii	Bilik tidur	6	5	6	20	6	6	5	6
iii	Dapur	1	1	1	1	1	1	1	1

Iv	Tandas / bilik mandi	3	2	3	10	3	3	2	3
v	Ruang karaoke / TV	1	1	1	1	1	1	1	1
vi	Ruang <i>babeque</i>	1	1	1	1	1	1	-	1
vii	Alat bantuan kebakaran	2	1	1	10	2	1	1	2
viii	Jaket keselamatan	20	15	25	60	20	15	25	20
ix	Pelampung kecemasan	2	2	2	4	2	2	-	2
x	<i>Speed boat</i>	2	2	2	-	2	2	-	2



Foto1: Bahtera Kenyir



Foto 2: Bilik Tidur



Foto 3: Ruang Dapur

Foto 4: Ruang *Barbeque*

Foto 5: Ruang Makan



Foto 6: Tandas

Sumber: Bahtera Kenyir (2019).

Ciri-Ciri Perkhidmatan Rumah Bot di Tasik Kenyir

Hasil kajian menunjukkan terdapat beberapa ciri perkhidmatan rumah bot di Tasik Kenyir sebagai tarikan pelancongan yang unik dan popular di negeri Terengganu. Untuk menggalakkan pelancong menggunakan perkhidmatan rumah bot, pakej pelancongan yang menarik ditawarkan. Setiap pakej ini menawarkan beberapa aktiviti yang berbeza. Secara umumnya, terdapat dua jenis pakej pelancongan rumah bot yang disediakan di Tasik Kenyir. Menurut Informan 2, kebanyakan pengusaha rumah bot menyediakan dua jenis pakej, iaitu 2 hari 1 malam dan 3 hari 2 malam.

*Bese 2 atau 3 pakej je. Dua hari semalam ngan tiga hari dua malam.
Hok 4 ari 3 malam ngan sari semalam ad, tapi jarang-jarang r.*

Biasa 2 atau 3 pakej sahaja. Dua hari satu malam dengan tiga hari dua malam. Yang 4 hari 3 malam dengan sehari semalam juga ada, tetapi jarang-jarang.

(Informan 2, Pengusaha rumah bot)

Hal yang sama turut disokong oleh seorang lagi informan;

*Ada 2 je la pakej. Hok dua ari semalam dengan hok tiga ari dua malam.
Hok lain macam 4 ari 3 malam gitu ikut atas pengunjung r...*

Terdapat 2 pakej sahaja iaitu dua hari semalam dan tiga hari dua malam. Manakala pakej lain seperti 4 hari 3 malam adalah bergantung kepada permintaan pengunjung itu sendiri.

(Informan 5, Pekerja rumah bot)

Namun begitu, terdapat pengusaha yang tidak menawarkan pakej khusus kepada pelancong tetapi boleh mencari rumah bot yang menawarkan pakej seperti yang diminta oleh pelancong.

Kaming dop wak pakej...tapi kalo nok, kite bulih cari...

Kami tidak menyediakan apa-apa pakej, tetapi jika ada yang menginginkan pakej tersebut, kami boleh mencarinya.

(Informan 1, Pekerja rumah bot)

Seterusnya, pengkaji bertanyakan mengenai harga sewaan yang dikenakan kepada pelancong domestik dan pelancong antarabangsa. Majoriti informan menyatakan bahawa harga yang dikenakan kepada pelancong adalah sama sahaja tidak kira dari dalam atau luar negara.

Hooo. Same je harga kami letok. Dop kire r pelancong dalam ke luar.

Ya. Harga yang dikenakan adalah sama sahaja bagi pelancong domestik dan juga pelancong antarabangsa.

(Informan 6, Pekerja rumah bot)

Menurut informan tersebut lagi, mereka hanya mengenakan harga kepada pelancong berdasarkan jenis pakej yang dimahukan dan harga tersebut adalah bergantung kepada pengusaha itu sendiri.

*Harga kalo hok biasa ada r dalam dua ribu semalam. Tapi ad gop hok
amik harga dua ribu tu untuk dua ari semalam. Ade hok amik tiga*

ribu... kalo hok beso macam Bahtera Kenyir ow bulih sapa lima belas ribu.

Harga sewaan bagi rumah bot biasa adalah sekitar RM2,000 untuk semalam. Tetapi terdapat juga yang mengenakan harga RM2,000 untuk 2 malam. Dan ada yang mengambil RM3,000. Manakala untuk rumah bot yang besar seperti Bahtera Kenyir, harga pakej sewaan boleh mencecah sehingga RM15,000.

(Informan 6, Pekerja rumah bot)

Di samping itu, harga yang berbeza turut dikenakan bergantung kepada saiz dan muatan yang mampu ditampung oleh sesebuah rumah bot. Semakin mahal harga sewaan dikenakan menunjukkan saiz dan muatan yang boleh ditampung adalah semakin ramai. Kebiasaannya seramai 20 hingga 25 orang pelancong yang boleh ditampung oleh sesebuah rumah bot. Manakala bagi rumah bot yang bersaiz besar boleh menampung sehingga 60 orang pelancong dalam satu-satu masa.

Rumoh bot ambe tu bulih muat ramai. Sapa enam puluh, tujuh puluh orang pom bulih. Sebab tu mahal. Bese VIP ngan orang-orang beso r tepoh hok ambe.

Rumah bot saya boleh memuatkan ramai pelancong sehingga 60 atau 70 orang. Disebabkan itulah harganya mahal. Pada kebiasaannya, ia ditempah oleh VIP dan orang-orang kenamaan.

(Informan 4, Pengusaha rumah bot)

Penyelidik seterusnya mengajukan soalan mengenai cara untuk menempah perkhidmatan rumah bot. Informan kemudiaannya menjawab;

Pelancong besenye tepoh (tempah) guna website (internet) atau tepom ke nombor hok ade.

Pelancong kebiasaannya menempah perkhidmatan rumah bot ini melalui website (internet) atau menelefon ke nombor yang tertera pada iklan berkenaan.

(Informan 8, Pengusaha rumah bot)

Guna Facebook r kalo ade hok nok tepoh (tempah). Ade uge (juga) hok tepom (telefon) ke owner.

Pelancong membuat tempahan melalui *Facebook*. Ada juga yang terus menelefon kepada pemilik rumah bot.

(Informan 1, Pekerja rumah bot)

Bagi tempoh masa untuk membuat tempahan sebelum menggunakan perkhidmatan rumah bot, informan menyatakan kebiasaannya tempahan boleh dilakukan dalam tempoh tiga atau empat minggu sebelum diguna. Manakala apabila musim cuti, tempahan hendaklah dibuat dua bulan sebelum kerana pada musim ini, rumah bot banyak menerima tempahan.

Tempahan besenye kena wak tiga empat minggu. Kalo musim cuti, sebulan dua bulan sebelum trip r. Takot kalo ade hok tindang (bertindih) tarikh ekpom.

Tempahan biasanya dibuat dalam tempoh tiga atau empat minggu. Kalau musim cuti, tempahan dibuat sebulan atau dua bulan sebelum trip. Hal ini kerana bimbang kalau ada tarikh trip yang bertindih.

(Informan 5, Pekerja rumah bot)

Menurut informan lagi, untuk mengelakkan kerugian, tempahan yang dibuat hendaklah disertakan sekali dengan deposit iaitu separuh daripada harga pakej yang diinginkan ataupun 1/3 daripada harga sewaan berkenaan. Manakala bayaran penuh pula boleh dibuat semasa trip tersebut ataupun selepas kembali ke jeti. Hal ini demikian kerana jumlah rumah bot yang terhad menyebabkan para pengusaha perlu membuat jadual bagi mengelakkan berlakunya tempahan yang bertindih.

Perbincangan

Conder (1992) mentakrifkan 'rumah' adalah satu elemen penginapan yang terdapat dalam rumah bot yang merujuk kepada bot yang memiliki rumah penginapan untuk pelancong. Namun, kemudahan 'rumah' yang ditawarkan terletak terapung di atas badan air bukannya di daratan dan tidak terikat di atas tanah. Bot yang asalnya berfungsi sebagai pengangkutan kemudian diubah suai atau dimodifikasikan badan strukturnya dengan komponen rumah seperti bilik tidur, bilik mandi, ruang tamu, dapur dan lain-lain. Bentuk 'rumah' bagi rumah bot adalah berbeza dan lebih unik berbanding 'rumah' di daratan kerana ia boleh direka bentuk dengan bebas yang banyak memaparkan kekreativitan pembinaannya. Reka bentuk 'rumah' yang dipaparkan memiliki pelbagai keunikan. Oleh itu, pembinaan rumah bot telah mewujudkan dua kegunaan bot dalam satu masa, iaitu untuk tujuan penginapan dan pengangkutan. Hal ini turut disokong oleh Flesche dan Burchard (2005) yang berpendapat bahawa idea pembinaan rumah bot adalah untuk menyediakan kebolehaksesan keperluan penginapan pelancong di atas badan air tanpa terikat dengan penginapan di daratan sepanjang masa yang sesetengahnya terbatas dengan aktiviti pelancongan. Misalnya penginapan hotel yang terletak jauh dengan destinasi aktiviti pelancongan tasik atau pantai. Oleh itu, dengan adanya penginapan terapung mudah alih di atas air, pelancong tidak perlu lagi melalui jarak yang jauh untuk menghubungkan lokasi penginapan dengan destinasi aktiviti pelancongan di badan air tertentu.

Penginapan dalam rumah bot mempamerkan kemudahan sebuah rumah yang dibina di atas badan bot, iaitu sebuah bot bukan sahaja untuk pergerakan malah turut digunakan untuk penginapan iaitu dipanggil rumah bot. Pembangunan sektor penginapan dalam lingkungan zon kawasan badan air seperti rumah bot salah satunya berkait rapat dengan pembangunan keseluruhan dan kejayaan sesebuah destinasi pelancongan badan air secara umum (Smith, 2014). Misalnya, penyediaan jumlah bekalan ruang tidur yang banyak mempengaruhi angka ketibaan di destinasi pelancongan yang tinggi yang menjadi pengaruh yang kuat terhadap tahap penghunian pelancong rumah bot, keuntungan pendapatan pengusaha rumah bot, pekerjaan dalam sektor penginapan rumah bot, pelaburan dan keupayaan jangka panjang penyedia penginapan untuk mengekalkan kemasyhuran destinasi penginapan rumah bot (Jackson, 2015).

Dolnicar (2017) turut berpendapat elemen penginapan tidak dapat dipisahkan dengan elemen aktiviti di sesuatu destinasi pelancongan. Hal ini mendorong penyediaan kemudahan penginapan rumah bot di sesuatu destinasi aktiviti pelancongan badan air lebih popular. Pendapat tersebut selari dengan pernyataan oleh Laturus (2018) yang mengemukakan idea pelancongan rumah bot di destinasi pelancongan pulau dan tasik memancing. Ini kerana dengan adanya rumah bot, maka pelancong tidak lagi terikat dengan penginapan resort dalam pulau dan dalam masa yang sama pelancong boleh bergerak di sekitar pulau dengan menaiki rumah bot sambil menginap. Malah, kekuatan pengaruh aktiviti pelancongan badan air mendorong permintaan terhadap penginapan rumah bot yang pesat misalnya rumah bot yang disediakan berdekatan dengan tasik memancing untuk kemudahan penginapan sambil menjalankan aktiviti memancing. Semakin ramai pelancong yang sukakan aktiviti memancing menyebabkan semakin kukuh permintaan terhadap rumah bot supaya pelancong dapat menikmati aktiviti rekreasi pelancongan dalam beberapa hari di lokasi itu sambil menikmati penginapan rumah bot. Hal ini kerana penginapan rumah bot kebiasaannya menawarkan pakej penginapan untuk tempoh beberapa hari yang sesuai untuk pelancong mendapatkan kepuasan aktiviti rekreasi yang lebih lama di destinasi pelancongan.

Sehubungan dengan itu, bagi perkhidmatan tempahan rumah bot secara atas talian, kebanyakan pelancong berpuas hati terhadap tempahan pakej dengan pengusaha rumah bot di Tasik Kenyir. Hal ini selari dengan pendapat Hoberman (2014) yang menjelaskan penggunaan media mudah alih seperti *Facebook* dan *Instagram* akan dapat meningkatkan pemasaran perkhidmatan sesuatu produk pelancongan di atas talian melalui permintaan tempahan sepanjang masa dengan aplikasi mudah akses, maklumat yang boleh dipercayai dan mempunyai ketepatan masa urus niaga yang baik. Menurut Diah (2017), promosi pelancongan melalui media massa terutamanya media sosial memerupakan cara yang popular dalam usaha untuk memperkenalkan produk pelancongan. Pada era globalisasi ini, promosi pelancongan bukan hanya terhad pada media tempatan sahaja, namun meliputi media antarabangsa. Oleh itu, untuk lebih berdaya saing maka promosi skala global menjadi langkah yang terbaik. Iklan dalam promosi global boleh menghasilkan promosi berskala besar di seluruh dunia melalui pemaparan budaya keunikan destinasi pelancongan. Ini disokong oleh Zakirah dan Hejrahtul (2016) dengan menambah bahawa strategi promosi melalui laman web termasuk media sosial adalah sistem informasi yang dapat diakses secara cepat, meluas dan menjadi *trend yang*

digunakan sebagai strategi untuk mempromosikan perniagaan. Shaiful dan Shahrin (2010) berpendapat bahawa kombinasi strategi promosi ini mempunyai pengaruh yang besar bagi menarik pelanggan terutamanya dalam membuat keputusan untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan, dalam konteks ini adalah rumah bot itu sendiri. Pengusaha perlu membuat penilaian berkala secara konsisten terhadap amalan dan strategi promosi untuk lebih berdaya saing dan lestari.

Kesimpulan

Rumah bot adalah suatu tarikan pelancongan yang unik kerana memiliki ciri-ciri fizikal, kemudahan dan perkhidmatan yang berbeza dengan perkhidmatan pelancongan yang lain kerana memaparkan kombinasi elemen penginapan dan pengangkutan di samping dapat melakukan pelbagai aktiviti rekreasi dan dapat pula mengunjungi pelbagai lokasi yang menarik di sepanjang eksplorasi kembaranya di satu-satu badan air. Di Malaysia, setakat ini didapati perkhidmatan rumah bot hanya tersedia di tasik sahaja berbanding di negara lain yang lebih pelbagai seperti di sungai, kolam dan laut. Namun begitu, kajian fundamental khususnya terhadap aspek asas seperti ciri-ciri rumah bot dan ciri perkhidmatan yang ditawarkan ini didapati penting dan memiliki kerelevanannya yang tersendiri sebagai sumber dokumentasi, literatur dan rujukan kepada pelbagai pihak termasuklah pembuat dasar, pengusaha rumah bot serta penyelidik dalam bidang pelancongan dan rekreasi.

Rujukan

- Augustyn, A. (2018). Houseboat Dwelling. Dipetik dari sumber <https://www.britannica.com/editor/The-Editors-of-Encyclopaedia-Britannica/4419> - 10 November 2020.
- Anip Majid. (2017). Laporan Tahunan KETENGAH. Dipetik - <http://www.gov.my/ipms/eps/2019-04-09/ST.98.2019%20-%2098.2019.pdf>. pada 12 Februari 2021.
- Bahtera Kenyir. (2019). Dipetik dari <https://www.facebook.com/bahterakenyir/photos/pcb.2112194232137468/2112243308799227/?type=3&theater>. pada 13 Mac 2021.
- Conder, R. (1992). *Handmade Houseboats: Independent Living Afloat*. London: International Marine/Ragged Mountain Press.
- Diah, F. (2017). *Refleksi Budaya Indonesia dalam Promosi Global: Sebuah Analisis Semiotik Iklan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dolnicar, S. (2017). *Peer-to-Peer Accommodation Networks*. Brisbane: Good Fellow Publishers.
- Flesche, F. & Burchard, C. (2005). *Water House*. New York: Prestel Publisher.
- Hoberman, B. (2014). The Rise of Mobile to Drive Bookings of in - Destination Services. Dipetik dari <https://www.phocuswire.com/The-rise-of-mobile-to-drive-bookings-of-in-destination-services>. pada 16 Mac 2019.
- Gan, J. E. et al. (2018). The critical role of a lead institution in ecotourism management: A case of dual governance in Belum-Temengor, Malaysia. *Journal of Policy Research in Tourism, Leisure and Events*, 1 (19), 108-194.
- Jackson, A. W. (2015). *Portable Floating Houseboat Plans*. New York: Createspace Independent Publisher.

- Jose, J. & Aithal, P. S. (2020). A study on significance of backwater tourism and safe houseboat operation in Kerala. *International Journal of Management, Technology, and Social Sciences (IJMTS)*, 5(2), 133-140.
- Kiwanuka, J. et al. (2019). Climate risk communication of navigation safety and climate conditions over Lake Victoria Basin: Exploring perceptions and knowledge of indigenous communities. *Journal of Cogent Social Sciences*, 5(10), 108-233.
- Kokkranikal, J. & Morrison, A. (2002). Entrepreneurship and sustainable tourism: The houseboats of Kerala. *Journal of Tourism and Hospitality Research*, 4 (1), 7-20.
- Laternus, T. (2018). *Floating Homes: A Houseboat Handbook*. Ontario: Harbour Publisher.
- Lanker, M. (2016). A Floating Home Case Study. Dipetik dari https://www.ecobuilding.org/summit/previous-years/presentation-files/2016presentations/phnw121_Lanker_AIACES_lecture.pdf pada 11 November 2018.
- Mathen, R. (2012). Houseboats in Kerala: Constructional features and environmental issues. *Journal of Environmental Science, Toxicology and Food Technology*, 1(6), 31-43.
- Newcomb, D. & Miller, T. R. (1974). *The Wonderful World of Houseboating*. New York: Prentice Hall Publisher.
- Preliminary Feasibility Report. (April, 2012). *Development of Houseboat Facilities on Public Private Partnership Model at Various Locations in Karnataka*. Karnataka: Tourism Department.
- Ridzuan Amin. (2015). *Eksplorasi Menjelajah Tasik Kenyir*. Seremban: Penerbit Pustaka Cahaya Ilmu.
- Safiih Lola et al. (2017). *A System Dynamic Model for Sustainable Ecotourism in Tasik Kenyir, Terengganu, Malaysia*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Smith, S. (2014). *Homes That Move*. New York: Raintree Publisher.
- Shaiful Nizam Abu & Shahrin Hashim. (2010). *Strategi Promosi Peniaga Gerai Jualan di Pesta Konvokesyen*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tajuddin Abdullah et al. (2019). *Tasik Kenyir Stunning Beauty and Its Biodiversity*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Townplan.gov.my. (2010). Ringkasan Eksekutif Rancangan Kawasan Khas Tasik Kenyir 2008-2020. Dipetik dari sumber https://www.townplan.gov.my/download/RKK%20Tasik%20Kenyir/Laporan_Ringkasan_Eksekutif_RKKTasikKenyir.pdf. pada 11 Mac 2021.
- Waugh, W. F. (2014). *The Houseboat Book: The Log of a Cruise From Chicago to New Orleans*. New York: Rakuten Kobo Publisher.
- Zakirah Othman & Hejrahtul Amani Halim. (2017). *Strategi Promosi Melalui Laman Web: Kajian Kes di Sri Lovely Farm*. Universiti Utara Malaysia.